

**PEMBERITAHUAN MAJLIS BANDARAYA KUALA TERENGGANU**  
**BIL. 1 /2023**

**PENJUALAN MAKANAN DAN MINUMAN PADA SIANG HARI SEPANJANG BULAN RAMADAN 1444H**

Adalah dengan ini memberitahu bahawa sempena menghormati kemuliaan bulan Ramadan Al Mubarak, Majlis Bandaraya Kuala Terengganu telah membuat ketetapan sebagaimana berikut:-

“ Sepanjang bulan Ramadan AL Mubarak 1444H, semua aktiviti perniagaan makanan dan minuman yang melibatkan pengusaha, pemilik dan pelanggan beragama Islam, **TIDAK DIBENARKAN** memulakan perniagaan **SEBELUM JAM 3.00 PETANG** “

“ Kepada pengusaha, pemilik perniagaan makanan dan minuman bukan Islam, **DILARANG MEMBENARKAN** pelanggan yang beragama Islam makan dan minum di premis tuan/puan pada waktu siang hari di sepanjang bulan Ramadan ini “

2. Mana - mana pengusaha, pemilik perniagaan makanan dan minuman yang gagal mematuhi pemberitahuan ini adalah melakukan suatu kesalahan di bawah UUK (Establismen Makanan) MBKT 1991 dan jika disabitkan boleh dikenakan denda tidak melebihi Dua Ribu Ringgit (RM 2,000.00) atau penjara selama tidak lebih satu tahun atau kedua – duanya sekali.

Sekian, terima kasih.

**“TERENGGANU MAJU, BERKAT, SEJAHTERA”**

**“MALAYSIA MADANI”**

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,

*t.t*

( MOHD SUKERI BIN IBRAHIM)

Setiausaha

Majlis Bandaraya Kuala Terengganu

- s.k      -      Datuk Bandar, Majlis Bandaraya Kuala Terengganu  
          -      Pesuruhjaya Hal Ehwal Agama Negeri Terengganu  
          -      Semua Ahli – Ahli Majlis, MBKT.  
          -      Pengarah, Jabatan Khidmat Pengurusan MBKT  
          -      Pengarah, MBKT Cawangan Kuala Nerus  
          -      Pengarah, Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta MBKT  
          -      Pengarah, Korporat, Kemasyarakatan dan Kualiti MBKT  
          -      Pengarah, Bahagian Penguatkuasa MBKT

Yaa/.....